

Punca banjir kilat dikaji sebelum langkah pencegahan

S-H 24/02/08 M/S 14

Beliau akan meminta kerjasama dari jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk membantu menyelidik punca sebenar masalah tersebut.

■ ALANG AZIZAH MOKHTAR

MERU – Punca masalah banjir kilat yang sering melanda para penduduk di kariah Jaya Setia Kampung Bukit Kapar di sini perlu dikaji dengan sebaiknya agar jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah tersebut dapat dihasilkan.

Demikian dinyatakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Meru, Dr. Abdul Rani Osman kepada para penduduk di kariah itu yang menjadi mangsa banjir kilat ketika beliau melakukan lawatan ke kawasan tersebut kelmarin.

Pada lawatan tersebut, beliau telah dibawa oleh para penduduk ke rumah-rumah yang terlibat dengan banjir kilat yang melanda sebahagian kampung berkenaan malam sebelumnya.

Selain itu, beliau juga dibawa melawat ke kawasan tarahan bukit yang dikatakan penduduk menjadi punca utama berlakunya banjir kilat yang kerap sangat berlaku di kariah mereka.

“Kita akan cuba untuk mengkaji punca permasalahan ini dengan sedalam-dalamnya agar punca sebenar banjir kilat yang sering berlaku di sini diketahui dan setelah kita tahu puncanya barulah kita akan cuba memikirkan jalan penyelesaian yang terbaik.

“Saya harap para penduduk dapat bersabar untuk sementara waktu kerana untuk mencari jalan penyelesaian mungkin akan memakan masa sedikit tetapi kita akan usahakan agar ia dapat dilaksanakan secepat mungkin,” katanya dalam satu perjumpaan dengan penduduk di Surau Az Zubair Jaya Setia di sini, selepas lawatan tersebut.

Katanya lagi, beliau akan meminta kerjasama dari jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk membantu menyelidik punca sebenar masalah tersebut.

“Pada Rabu ini kita akan bawa jurutera-jurutera dari JPS



Abdul Rani (dua dari kanan) bersama penduduk melawat kawasan tarahan bukit yang dikatakan menjadi punca utama banjir kilat.

dan MPK datang melawat ke Jaya Setia untuk mereka melihat sendiri keadaan sebenar dan mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk di sini.

“Diharapkan mereka akan dapat mencari punca kepada masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan ini dan seterusnya mereka mampu mencari jalan penyelesaian yang tepat dengan kadar segera,” ujarnya.

Selain itu katanya, beliau juga akan cuba mengusaha-

kan bantuan banjir dari pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk diberikan kepada para penduduk yang kehidupannya terjejas teruk akibat dari kejadian banjir kilat tersebut.

“Saya juga minta kerjasama dari seluruh masyarakat di sini agar membuat satu surat secara hitam putih menyatakan tentang apa juga jenis masalah yang dihadapi oleh anda dan serahkan surat tersebut kepada saya.

“Dengan cara tersebut saya lebih mudah untuk mengetahui

segala masalah yang dihadapi oleh anda dan InsyaAllah saya akan cuba membantu menyelesaikan segala masalah yang anda hadapi dengan sebaik-baiknya,” ujarnya lagi.

Sementara menunggu perkara tersebut diselesaikan, beliau juga meminta para penduduk di kariah tersebut agar membuat solat hajat beramai-ramai dan berdoa agar mereka dijauhkan dari segala kesulitan dan dihindari dari ditimpa banjir pada masa-masa akan datang.